



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMINAR  
PEGAWAI KANAN POLIS WANITA 2016**

**PADA 18 MEI 2016 (RABU)**

**MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA, CHERAS  
KUALA LUMPUR**

## **[SALUTASI]**

Hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi–tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana telah menjemput saya untuk menyampaikan ucapan perasmian Majlis Penutup Seminar Pegawai Polis Kanan Wanita 2016 pada pagi yang indah ini.
2. Saya juga amat berbesar hati di atas kehadiran YDH IGP Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita di majlis pada hari ini. Seperti kita semua sedia maklum, YDH Tan Sri begitu sibuk dengan pelbagai tugas yang diamanahkan, namun begitu masih dapat meluangkan masa untuk bersama-sama kita di majlis ini.

**SEMINAR PEGAWAI POLIS KANAN WANITA 2016**

Hadirin sekalian,

1. Saya difahamkan bahawa seminar yang dijalankan selama dua (2) hari ini telah berjaya dihadiri oleh seramai 200 orang pegawai kanan polis berpangkat Inspektor hingga Asisten Komisioner Polis (ACP) seluruh kontinjen dan formasi PDRM. Saya menyokong sepenuhnya matlamat seminar ini yang menyediakan resolusi pelan tindakan bagi pembangunan kerjaya polis wanita khususnya menambahkan bilangan polis wanita di peringkat pembuat keputusan selari dengan hasrat Kementerian untuk mencapai 30%. Syabas PDRM di atas usaha ini!
2. Namun begitu, kedudukan pegawai wanita bagi kategori pembuat keputusan (Gred JUSA) masih berada jauh untuk mencapai hasrat 30 % tersebut iaitu pada ketika ini hanya 4 orang pegawai wanita berada pada gred JUSA iaitu 7.14%.
3. Saya percaya dengan adanya usaha berterusan yang dijalankan oleh pihak PDRM untuk menambahkan bilangan polis wanita di peringkat pembuat keputusan, sasaran ini akan boleh dicapai. Kementerian sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada PDRM untuk mencapai sasaran ini.

## **PROGRAM AMANITA**

4. Saya amat tertarik dengan tinjauan oleh PDRM yang mendapati aktiviti AMANITA sangat mendapat tempat di hati rakyat. Kalau

dahulu aktiviti AMANITA bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada kaum wanita tetapi sekarang aktivitiya telah diperluaskan kepada penglibatan wanita di dalam program-program pencegahan jenayah.

5. Sebanyak 2,470 program AMANITA telah dijalankan bersama kaum wanita dengan pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan dengan kerjasama masyarakat setempat. Ini adalah satu angka yang amat membanggakan. Tahniah PDRM atas usaha dalam menggerakkan program AMANITA.
6. Justeru, saya mencadangkan agar program AMANITA perlu diteruskan dan dijalankan secara terancang serta berstruktur bagi memberi peluang untuk mempertingkatkan kerjaya kaum wanita di dalam PDRM.

## **ISU SERANGAN SEKSUAL DAN KEGANASAN TERHADAP WANITA**

Hadirin sekalian,

7. Ingin saya kongsi di sini bahawa terdapat penurunan kes keganasan terhadap wanita sebanyak 5.7% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Penurunan ini menunjukkan ada impak terhadap *out reach programme* yang dijalankan oleh PDRM dengan kerjasama pelbagai pihak.

8. Namun begitu, kes-kes keganasan rumah tangga dan pembuangan bayi serta kanak-kanak hilang dilaporkan meningkat sebanyak 3.9% pada tahun 2014 berbanding tahun 2015. Oleh yang demikian, usaha-usaha outreach programme dengan masyarakat perlu digiatkan lagi.
9. Selain itu, KPWKM turut menyediakan perkhidmatan aduan krisis masyarakat di Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam bagi membantu mangsa kes keganasan rumah tangga, kes penderaan serta pelbagai kes sosial yang lain.

Para hadirin sekalian,

## **EVOLUSI PERANAN WANITA SBG AGEN PEMBANGUNAN NEGARA**

10. Wanita pada masa kini seharusnya maju ke hadapan di dalam membantu pembangunan Negara dan meninggalkan kesan sebagai salah seorang pemimpin Negara yang terhebat. Peranan wanita dalam sektor pekerjaan telah menunjukkan betapa wanita hari ini juga mampu untuk berjaya dalam kerjaya masing-masing. Wanita hari ini telah mempunyai imej dan tanggungjawab sosial yang berbeza sesuai dengan kehendak dan perubahan zaman.
11. Dalam mengorak langkah seiring arus globalisasi, kejayaan demi kejayaan telah berjaya dicipta oleh kaum hawa tanpa mengira batas sempadan. Semua ini diterjemahkan hasil dari pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik sekaligus membuktikan wanita juga

mampu seiring dengan arus perubahan semasa. Statistik membuktikan, wanita telah mendominasi jumlah pelajar di insititut pengajian tinggi di Malaysia. Di insititut pengajian tinggi awam sendiri, jumlah pelajar wanita telah mencapai 60% sejak dari tahun 2003 lagi. Ini membuktikan bahawa ramai wanita memiliki ilmu yang tinggi dan ada di antara mereka berjaya memajukan bidang perniagaan yang menghasilkan pelbagai produk berkualiti untuk pasaran dalam dan luar negara.

Hadirin sekalian,

## **AGENDA PEMERKASAAN DAN PENGUPAYAAN WANITA SEBAGAI AGENDA NEGARA**

12. Agenda pemerksaan dan pengupayaan wanita sentiasa mendepani agenda utama di dalam setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Agenda ini sangat jelas digariskan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang bertujuan untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan Negara.
13. Agenda pemerksaan wanita telah mula disentuh dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), pemerksaan wanita telah mula diberi keutamaan di mana ia menyentuh perkara-perkara substantif bagi memajukan wanita dalam pembangunan negara. Semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh

(2011-2015), agenda wanita terus menjadi salah satu tumpuan terutamanya dalam pembangunan ekonomi. Kerajaan secara khusus telah mengumumkan sasaran untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita dari 47.9% (2011) kepada 55% pada tahun 2015.

14. Objektif meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) di mana sasaran baru adalah untuk mencapai penyertaan 59% wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2020. Penyertaan wanita dalam tenaga kerja dilihat telah meningkat daripada 45.7 peratus pada 2008, 52.4 peratus pada 2013, 53.6 peratus pada 2014 dan 53.9 peratus pada suku keempat tahun 2015.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

15. Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak PDRM kerana mengundang saya ke majlis hari ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak penganjur kerana berjaya menganjurkan seminar khusus untuk pembangunan kerjaya polis wanita khususnya menambahkan bilangan polis wanita di peringkat pembuat keputusan.
16. Dengan lafaz Bismillahi Rahman Nirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Seminar Pegawai Polis Kanan Wanita untuk tahun 2016.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.